

**REPRESENTASI BUDAYA DALAM REKAAN BENTUK BUSANA  
PERKAHWINAN MASYARAKAT BISAYA DI BEAUFORT, SABAH  
*THE REPRESENTATION OF CULTURE IN THE DESIGN OF WEDDING  
COSTUME FOR BISAYA COMMUNITY IN BEAUFORT, SABAH***

**Nurfahrina Abal Mukam<sup>1</sup>  
Humin Jusilin<sup>2</sup>**

*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah<sup>1&2</sup>  
fahrianaef@gmail.com, zumin@ums.edu.my  
Tarikh dihantar: 15 Jun 2019 / Tarikh diterima: 2 September 2019*

---

**ABSTRAK**

Busana tradisional etnik di Sabah adalah representasi kerencaman fesyen, bentuk dan ragam hias yang menampilkan identiti dan nilai budaya. Pengaruh asimilasi budaya dan fenomena kehidupan moden yang sentiasa berubah secara tidak langsung mempengaruhi penampilan berpakaian daripada tradisional kepada kontemporari sifatnya. Pada masa kini, busana tradisional lazimnya dapat dilihat dalam majlis perkahwinan, persembahan tarian dan upacara ritual. Identiti busana perkahwinan masyarakat Bisaya di Sabah dikenal pasti melalui penggunaan istilah, bentuk dan ragam hias mengikut citra dan dogma budaya. Kajian busana ini ditumpukan khusus di perkampungan masyarakat Bisaya di Beaufort, Sabah. Data-data kajian membantu pengkaji untuk mendokumentasi dan menganalisis elemen bentuk dan ragam hias yang menitikkan representasi identiti dan budaya dalam etnik berkenaan. Makna tentang subjek, bentuk dan ragam hias selanjutnya diperoleh melalui bentuk simbol sebagai asas penghayatan seni melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan rakaman audio visual di lapangan. Kajian ini mendapati elemen bentuk dan ragam hias busana perkahwinan adalah gambaran artistik melalui representasi budaya, adat istiadat dan alam sekeliling. Justeru, bentuk dan ragam hias busana perkahwinan masyarakat Bisaya di Sabah dapat dikaitkan dengan kehidupan tipikal dan warisan budaya yang diwarisi semenjak turun-temurun.

**Kata kunci:** Etnik Bisaya, budaya, representasi, bentuk, ragam hias.

***ABSTRACT***

*Traditional costumes of ethnics in Sabah were representing the variety of fashion, form and ornament design which reflect the identity and cultural values. The influence of cultural assimilation and the modern*

*life phenomenon that constantly changing from time to time indirectly affecting the dressed appearance from traditional to contemporary fashion. Nowadays, traditional costume still can be seen in a wedding ceremony, dance performance and ritual ceremony. The Bisaya's wedding costume identity in Sabah can be identified by its terms of the costume and the parts, the form and also the design based on the cultural imagery and beliefs. The research location of the costume is focusing on the settlement of the Bisaya community. The research data assist the researcher to do the documentations and analysis of the form and design elements which representing the identity and cultural aspects of Bisaya. The interpretation of the subject, form and design were obtained by the symbols as the basis of art appreciation through observation, interview and audio visual recording at the research location. This research found that the form and design elements of wedding costume are describing the artistic through culture, custom and tradition, and the environments representation. Thus, form and design of the Bisaya's traditional wedding costume are strongly related to the typical life and cultural heritage in the community.*

**Keywords:** *Bisaya ethnic, culture, representation, design, form, ornament.*


## PENGENALAN

Perkataan Bisaya dengan ungkapan 'Bisai-ya' daripada bahasa Brunei yang membawa maksud 'cantiknya' (Headly,1950). Menurut Tom Harrison (1962), masyarakat Bisaya pada awalnya dipercayai mengamalkan kepercayaan animisme dan 'shamanism', iaitu pembomohan dalam kehidupan harian sebelum kedatangan Islam. Masyarakat Bisaya di Sabah pada masa kini rata-ratanya adalah beragama Islam. Dalam konteks negeri Sabah, masyarakat Bisaya dikelompokkan dalam rumpun Dusun kerana pertalian yang begitu erat antara orang Bisaya dengan subkelompok rumpun Dusun yang lain, berdasarkan persamaan dari segi bahasa yang dituturkan dan budaya yang diamalkan.

Beaufort menjadi tumpuan petempatan kaum Bisaya kerana mempunyai bilangan majoriti, selain Kedayan dan Melayu Brunei. Perkampungan yang menjadi kawasan dominan dan dipercayai mempunyai bilangan masyarakat Bisaya paling ramai adalah seperti Kampung Gadong, Kampung Suasa, Kampung Lajau, Kampung Padas Damit, Kampung Lupak, Kampung Rancangan, Kampung Garama, Kampung Kabajang dan beberapa kampung lagi. Masyarakat Bisaya juga mempunyai pakaian tradisinya tersendiri mengikut acara dan fungsinya. Contohnya, pakaian tradisional untuk adat perkahwinan, tarian dan keramaian masing-masing menampilkan sedikit perbezaan dari segi bentuk dan ragam hiasnya.

## Lokasi Kajian

Kawasan kajian yang menjadi fokus penyelidikan adalah berdasarkan majoriti masyarakat Bisaya yang mendominasi daerah Beaufort (Rajah 1).



Rajah 1 Peta lokasi kajian


Daerah Beaufort terletak lebih kurang 90 kilometer di selatan Kota Kinabalu dan keluasanya adalah 1,735 kilometer persegi. Di Sabah, masyarakat ini mendiami daerah pedalaman Sabah, khususnya di daerah Beaufort, Kuala Penyu, Menumbok dan Sipitang (Siti Aidah Lokin, 2013: 78). Walaupun Beaufort dijadikan kawasan utama kajian, daerah lain seperti Kuala Penyu, Menumbok dan Sipitang menjadi sebahagian daripada kawasan kajian untuk mengukuhkan lagi maklumat tentang pakaian masyarakat Bisaya. Menurut Siti Aidah lagi, masyarakat Bisaya dianggarkan berjumlah 30,000 daripada jumlah 62,000 orang secara keseluruhan penduduk daerah Beaufort pada tahun 2000. Kenyataan ini mengukuhkan lagi bukti bahawa majoriti suku kaum Bisaya terdapat di daerah Beaufort.

## Teoretikal Kajian

Teori Feldman adalah salah satu pendekatan tersusun yang lazim digunakan untuk menganalisis data dalam kritikan seni. Edmund Burke Feldman dalam *Journal Aesthetic Education* (1973) menggariskan empat langkah mengikut tahap, iaitu tahap deskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian.

Tahap yang lazim digunakan dalam kritikan seni adalah berdasarkan peringkat deskripsi, analisis dan interpretasi seperti berikut, iaitu *The first three stages are description or identification analysis and interpretation* (Edmund B. Feldman, 1973: 51).

Beliau turut menjelaskan bahawa peringkat penilaian juga penting dalam kritikan seni selepas melalui tiga langkah tersebut. *Laymen often think that offering of opinions or judgements, the expression of preferences, is the essential function of criticism* (Edmund B. Feldman, 1973: 51).



**Rajah 2** Tahap dan pendekatan Feldman

Pendekatan Feldman diperincikan seperti dalam Rajah 3.

Peringkat	Keterangan
Deskripsi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kaedah memperihai maklumat tentang objek atau subjek kajian.</li> <li>- Deskripsi atau memperihalkan subjek yang menjawab tentang apa yang dilihat, bagaimana bunyinya, rasanya dan sebagainya.</li> <li>- Informasi tentang subjek, bahan, pembuatnya, bila dan di mana.</li> <li>- Jenis atau kategori imej yang terdapat pada bentuk dan ragam hias yang dikenal pasti.</li> </ul>
Analisis Formal	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kaedah sistematik yang melibatkan prosedur pemerhatian dan ukuran bahan kajian.</li> <li>- Analisis formal terhadap pembentukan objek kajian yang terdiri daripada asas seni, prinsip rekaan dan struktur rekaan.</li> <li>- Analisis motif yang terdiri daripada ragam hias, warna dan teknik pembuatan.</li> </ul>
Interpretasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Interpretasi terhadap simbol atau motif berdasarkan penerapan mesej terhadap aktiviti manusia, pengalaman lepas dan ekspresi masyarakat terhadap subjek kajian.</li> <li>- Pengertian mendalam tentang simbol dan makna berasaskan asas seni, prinsip dan struktur rekaan pada subjek kajian.</li> <li>- Maksud penggunaan rekaan, warna dan simbol dalam perhiasan pakaian.</li> <li>- Makna tersurat dan tersirat yang dikenal pasti melalui pemerhatian dan temu bual secara langsung.</li> </ul>

<p>Penilaian</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menterjemahkan ikon sebagai makna tersirat dan signifikannya dengan identiti budaya.</li> <li>- Jangkauan makna subjek diungkap semula sebagai struktur identiti yang terdapat dalam sejarah dan budaya kehidupan (Kaelan,1998). Penilaian ini adalah rentetan analisis berdasarkan tahap deskripsi, analisis dan interptasi.</li> </ul>
------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**Rajah 3** Rubrik Pendekatan Feldman (1973)

**Bentuk Busana Perkahwinan Masyarakat Bisaya**

Busana perkahwinan masyarakat Bisaya terdiri daripada baju, kain sarung panjang (skirt) untuk kaum wanita dan seluar panjang untuk kaum lelaki. Pakaian biasanya dilengkapi dengan beberapa ragam hias yang mempunyai citra budayanya sendiri. Ragam hias busana perkahwinan tradisional sedikit berbeza daripada pakaian tarian berdasarkan fungsi dan makna penggunaannya. Asas pada pakaian seperti baju, kain sarung panjang dan seluar panjang pula adalah sama untuk setiap upacara. Busana perkahwinan masyarakat Bisaya lebih sarat dengan ragam hias dan aksesori kerana konsep majlis yang meriah agar menampakkan seri, kecantikan dan kemegahan pengantin.



(i) Baju tradisional perkahwinan lelaki masyarakat Bisaya

(ii) Seluar tradisional perkahwinan lelaki masyarakat Bisaya

**Rajah 4** Busana tradisional perkahwinan lelaki masyarakat Bisaya



(i) Baju tradisional perkahwinan wanita masyarakat Bisaya

(ii) Skirt (sarung) tradisional perkahwinan wanita masyarakat Bisaya

**Rajah 5** Busana tradisional perkahwinan wanita masyarakat Bisaya

## Ragam Hias Busana Perkahwinan Wanita dan Lelaki Masyarakat Bisaya

Ragam hias busana perkahwinan wanita terdiri daripada 12 bahagian atau aksesori yang bermula dari bahagian kepala sehingga bahagian kaki. Aksesori yang menempatkan ragam hias merujuk kepada *pisanggul*, bunga kepala, *kubamban*, *sarabang*, bunga tangan, *sawit*, *kotol*, *golong longon*, *aut*, *salindang songkit* dan *pakul* (Rajah 6), manakala aksesori yang menempatkan ragam hias busana pengantin lelaki pula terdiri daripada tujuh bahagian iaitu *tajuk*, *sarabang*, *sawit*, *kotol*, *golong longon*, *aut* dan *salindang songkit* (Rajah 6). Walau bagaimanapun, beberapa jenis ragam hias busana wanita dan lelaki adalah sama. Penggunaan ragam hias yang sama atau berbebeza bergantung kepada maksud upacara dan budayanya yang tersendiri.

Pada bahagian dahi pengantin wanita dan lelaki pula dipasang *sarabang*, iaitu perhiasan yang diperbuat daripada perak. *Sarabang* dipasang mengikut bentuk kedua-dua belah kening dan memaparkan corak bintang yang diukir. Pengantin lelaki dan wanita dibekalkan dengan *sigup kulimambang* (rokok daun) dalam upacara persandingan. Fungsi *kulimambang* adalah sebagai adat menghiburkan pengantin selama duduk bersanding. Menurut informan (Juani Saruji, 77) adat ini merujuk kepada signifikasi masyarakat kampung pada masa dahulu yang menjadikan aktiviti penggunaan rokok daun untuk mengisi masa lapang sambil duduk berbual dan menjamah hidangan ringan bersama keluarga, kawan-kawan atau jiran.



**Rajah 6** Aksesori busana tradisional perkahwinan etnik Bisaya

Pada bahagian badan pula, aksesori *sawit* (kain selempang) dipakai secara bersilang, sama ada pada pandangan bahagian dada atau bahagian belakang pengantin. Pemakaian *sawit* perlu dipasang dengan *aut* (tali pinggang) untuk mengekalkan fesyennya. Biasanya, warna *sawit* ditampilkan dengan warna merah jambu, biru, kuning dan putih. Pemilihan warna ini disesuaikan dengan warna kulit si pemakainya agar tampak lebih menyerlah. Penggunaan warna hijau dan merah pula jarang digunakan kerana dijadikan sebagai penampilan busana dalam acara tarian atau keramaian.

*Salindang songkit* (kain songket) pula dipakai pada bahagian bawah pada baju pengantin lelaki seperti sarung yang diikat atau disangkut menggunakan *aut* (tali pinggang). *Salindang songkit* pada asalnya menggunakan kain *Jong Sarat* yang berasal dari Brunei dan pada awalnya hanya dipakai oleh Raja Brunei. Menurut informan lagi, asimilasi yang berlaku antara etnik disebabkan perkahwinan antara gadis Dusun dengan Putera Raja Brunei menyebabkan terbentuknya masyarakat Bisaya di Sabah. Asimilasi ini menjadi titik tolak pengaruh pemakaian kain *Jong Sarat* dalam busana perkahwinan masyarakat Bisaya. Variasi ragam hias dan aksesori busana pengantin lelaki dan pengantin wanita adalah seperti dalam Rajah 7 (i–viii).



(i) Sarabang



(ii) Golong longon



(iii) Salindang songkit



(iv) Kotal (lelaki)



(v) Kotal (wanita)



(vi) Sawit



(vii) Aut (lelaki)



(viii) Aut (wanita)

**Rajah 7** Ragam hias busana tradisional perkahwinan pengantin lelaki dan wanita masyarakat Bisaya




## Ragam Hias Busana Perkahwinan Wanita Masyarakat Bisaya


Bahagian kepala pengantin wanita mempunyai lima aksesori yang menempatkan ragam hias yang terdiri daripada *pisanggul*, *kubamban*, bunga kepala, bunga tangan dan *pakul*. *Pisanggul* dipasang pada sanggul rambut pengantin wanita yang diinspirasi daripada bentuk tanduk kerbau. Pembudayaan penggunaan tanduk kerbau adalah signifikannya sebagai berian atau hantaran wajib daripada pihak pengantin lelaki kepada pihak pengantin wanita. *Pisanggul* lazimnya dihiasi dengan objek bunga pada bahagian bucu yang menyerupai tanduk sebagai lambang perhiasan kepala pengantin wanita. Bahagian hujung tanduk juga dipasang dengan rumbai daripada buah *anjalai* atau *luong* (biji pokok *jelai*). Biji atau buah *jelai* pada masa dahulu menjadi bahan untuk menghasilkan barang kemas wanita seperti rantai, gelang, cincin dan perhiasan lain.

*Kubamban* pula adalah perhiasan yang diperbuat daripada bahan perak dan dipasang mengelilingi sanggul sebagai unsur tambahan yang mencantikkan lagi pemakaiannya. Corak pada setiap biji *kubamban* diambil daripada rekaan bunga *butir-butir*. Biasanya reka coraknya perlu menampilkan satu biji *kubamban* yang paling besar dan menggunakan corak yang diolah berdasarkan gabungan rekaan bunga lawang dan corak biji-biji kuaci. Menurut Siti Aidah Lokin (2013), *kubamban* adalah alat yang sangat penting bagi masyarakat Bisaya oleh bomoh ketika berjampi dan memandikan pesakit. Pengantin wanita dipakaikan *kubamban* untuk memberi perlindungan daripada gangguan jahat.

Gelang kaki yang disebut *pakul* pula dipakai oleh pengantin wanita pada kedua-dua pergelangan kaki. *Pakul* berperanan sebagai hiasan seseorang pengantin wanita untuk menyerlahkan lagi kemewahan pengantin dan ciri-ciri kewanitaan pada hari perkahwinan. Rajah 8 (i–v) ialah aksesori dan ragam hias yang lazimnya hanya dipakai oleh pengantin wanita.




(i) *Pisanggul*



(ii) *Kubamban*



(iii) Bunga kepala



(iv) Bunga tangan




(v) Pakul


### Rajah 8 Ragam hias busana perkahwinan wanita masyarakat Bisaya

#### Ragam Hias Busana Perkahwinan Lelaki Masyarakat Bisaya

Pada umumnya, ragam hias busana perkahwinan lelaki dan ragam hias busana wanita tampak mempunyai persamaan. Bagaimanapun, busana pengantin lelaki tidak dihiasi dengan *pisanggul* dan rantai *kubamban*. Pengantin lelaki pula menggunakan *tajuk* pada kepala. *Tajuk* menghiasi kepala lelaki seperti mahkota raja untuk menunjukkan pengantin tersebut sedang diraikan dalam sesebuah majlis. *Tajuk* dihiasi dengan bunga kertas jati, bunga lada, bunga ros, manik dan dipadankan dengan *kubamban* yang dilekatkan pada bahagian kelilingnya [Rajah 9 (i–iii)].



(i) Pandangan atas



(ii) Pandangan hadapan



(iii) Pandangan belakang

### Rajah 9 Ragam hias *tajuk* perkahwinan pengantin lelaki masyarakat Bisaya

## KESIMPULAN

Pendokumentasian tentang representasi budaya dalam rekaan bentuk busana perkahwinan masyarakat Bisaya di Beaufort, Sabah memberi pengetahuan dan mampu dijadikan rujukan kepada generasi masyarakat Bisaya pada masa akan datang. Maklumat budaya seperti ini harus dipelihara dan dikekalkan. Sesungguhnya, peredaran masa dan arus pemodenan yang pantas pasti mengubah budaya asal sesebuah etnik. Peninggalan budaya tradisi dan warisan adat nenek moyang bakal ditelan zaman. Justeru, pengetahuan terhadap jati diri dan budaya busana dalam kalangan generasi baharu perlu didokumenkan sebagai usaha untuk mengekalkan khazanah dan warisan. Ketika ini, busana perkahwinan masyarakat Bisaya telah banyak berasimilasi dengan budaya Brunei dan masyarakat Dusun Tatana dari segi reka bentuk dan ragam hiasnya. Pendokumentasian ini diharap mampu menarik perhatian masyarakat dalam dan luar negara tentang keunikan busana tradisi etnik di Sabah.

## RUJUKAN

- Feldman, E. (1973). The teacher as model critic. *Journal Aesthetic Education*, 7 (1), 50–57.
- Headly, D. (1950). Some Bisaya Folk-Lore. *Sarawak Museum Journals*, 2, 187–192.
- Kaelan. (1998). *Filsafat bahasa: Masalah dan perkembangannya*. Yogyakarta: Paradigma.
- Siti Aidah Lokin. (2007). *Sejarah dan sosiobudaya suku kaum Bisaya di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Aidah Lokin. (2013). *Adat resam dan pantang larang suku kaum di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### Informan

Juani binti Saruji, 77. Kampung Batandok Lubak, Beaufort.

